



## TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

*SEMPENA*

MAJLIS SEMARAK KASIH RIDZUAN PUZI@TSH JITRA

*D9*

TAMAN SINAR HARAPAN (TSH) JITRA, KEDAH

*PADA*

12 NOVEMBER 2016 (SABTU) JAM 10.30 PAGI

---

ASSALAMUALAIKUM, SALAM SEJAHTERA, SALAM 1MALAYSIA

## PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat berkumpul bersama-sama di Majlis Semarak Kasih Ridzuan Puzi di Taman Sinar Harapan, Jitra pada pagi ini. Majlis hari ini adalah bertepatan dengan hasrat Kementerian dalam memperkasa dan membangunkan modal insan.
2. Syabas diucapkan kepada atlet-atlet paralimpik negara yang telah berjaya membawa pulang 3 pingat emas dan 1 pingat gangsa di temasya Sukan Paralimpik Rio 2016 baru-baru ini. Kini kejayaan anda menjadi contoh kepada anak muda di Malaysia terutamanya yang kita raikan pada hari ini, Saudara Ridzuan Puzi. Puzi...kamu luar biasa!.

## PENGIFTIRAFAN KPWKM KEPADA ATLET PARALIMPIK

Hadirin yang dihormati,

3. Sejurus selepas kemenangan para atlet paralimpik kita di Rio, saya telah memutuskan agar awira dann wirawati negara ini perlu diberi pengiktifaran yang tinggi bagi menghargai usaha dan kejayaan mereka seterusnya sebagai inspirasi kepada

masyarakat. Cadangan utama dikemukakan adalah untuk menukar nama institusi JKM bersempena nama wira dan wirawati ini. Kejayaan atlet Paralimpik negara di Rio 2016 telah membuka mata masyarakat untuk terus memberi ruang dan peluang kepada OKU untuk terus cemerlang dalam bidang yang mereka pelopori seterusnya dapat mengharumkan nama negara dengan kejayaan mereka.

4. Oleh itu, semasa perasmian Kongres Sedunia Pemulihan Dalam Komuniti kali ke-2 (2nd CBR World Congress) pada 27 September 2016, di Kuala Lumpur saya telah mengishtiharkan nama 4 atlet ini digunakan sebagai nama institusi JKM iaitu :

- i. Rumah Kanak-Kanak (RKK) Arau ditukar nama kepada **Rumah Kanak-Kanak Abdul Latif Romly, Arau Perlis**;
- ii. Taman Sinar Harapan Cheras Selangor kepada **Taman Sinar Harapan Ziyad Zolkefli, Cheras Selangor**;
- iii. Rumah Kanak-Kanak Mini Ulu Tiram Johor kepada **Rumah Kanak-Kanak Mini Siti Noor Radiah Ismail, Ulu Tiram Johor**; dan
- iv. Taman Sinar Harapan Jitra Kedah kepada **Taman Sinar Harapan Ridzuan Puzi Jitra Kedah!**

## **MENSEJAHTERAKAN OKU**

Hadirin yang dihormati,

5. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang telah menandatangani Konvensyen Mengenai Hak OKU (CRPD) yang telah dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Perkara 19, Konvensyen tersebut memberi penekanan kepada kehidupan berdikari dan menjadi sebahagian komuniti. Antara perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah OKU perlu diberi peluang untuk memilih tempat kediaman, pasangan hidup, tidak terikat dengan satu susunan yang telah tersedia, mempunyai akses kepada rumah, dan lain-lain perkhidmatan sokongan masyarakat.
6. Selain daripada menandatangani Konvensyen tersebut, Malaysia juga melalui perundangan telah berusaha untuk mensejahterakan kehidupan OKU. Ini dapat dilihat melalui pewujudan Akta Orang Kurang Upaya 2008. Bagi menjamin OKU mendapat haknya, usaha melalui peruntukan perundangan telah dibuat melalui Seksyen 32 (1), Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang memberi penekanan bahawa golongan OKU hendaklah mempunyai hak untuk menyertai aktiviti rekreasi, santai dan sukan atas dasar kesetaraan dengan orang upaya. Selain itu, akta ini juga menyatakan bahawa agar semua pihak perlu menggalakkan penyertaan OKU ke tahap tertinggi dalam aktiviti sukan utama, selain diberi peluang untuk menganjurkan, membangunkan dan menyertai aktiviti sukan dan rekreasi khusus untuk OKU.

7. Bagi mencapai tahap ini semua pihak iaitu kerajaan, NGO, sektor korporat dan yang lebih penting ahli keluarga OKU itu sendiri perlu memainkan peranan penting bagi menyediakan peluang, tunjuk ajar, latihan dan sumber-sumber yang sesuai. Ini dapat dilihat menerusi kerjasama yang erat antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Kementerian Belia dan sukan dalam menggilap dan melahirkan atlet OKU hebat seperti yang berada di hadapan kita ini.

## **KEMUDAHAN BAGI OKU**

Hadirin sekalian,

8. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan 15% penduduk dunia adalah terdiri daripada OKU. Di Malaysia, statistik sehingga Oktober 2016 menunjukkan seramai 401,251 OKU yang berdaftar dengan JKM iaitu lebih kurang 1.3% daripada jumlah penduduk. Pemegang Kad OKU layak menikmati hampir 25 kemudahan daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta termasuk bantuan kewangan daripada JKM. Oleh itu, saya menyeru kepada semua OKU dan ibu bapa supaya berdaftar secepat mungkin untuk menikmati kemudahan-kemudahan yang telah disediakan.

9. Kementerian menerusi JKM menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan kepada OKU antaranya Pusat Latihan

Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Bangi yang dikhkususkan untuk memberi latihan industri dan pemulihan kepada OKU fizikal. Di samping itu, terdapat dua Bengkel Terlindung OKU iaitu Bengkel Daya Klang, Selangor dan Bengkel Daya Sungai Petani, Kedah yang menyediakan peluang pekerjaan kepada OKU yang tidak mampu bersaing dalam pasaran pekerjaan terbuka untuk mendapatkan latihan penyesuaian pekerjaan dan memberi peluang pekerjaan kepada OKU berkaitan. Bagi OKU kategori Masalah Pembelajaran yang memerlukan penjagaan, perlindungan dan pemulihan pula, kerajaan melalui JKM menyediakan 7 buah Taman Sinar Harapan (TSH) termasuklah institusi ini.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati,

10. Dalam bajet 2017, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM535 juta bagi aspek penjagaan, pemulihan dan perkhidmatan kepada OKU bagi memastikan pembangunan dan kebajikan mereka terbela. Ini menunjukkan bahawa kerajaan amat prihatin dan komited dalam pembangunan OKU di negara ini. Namun begitu, OKU haruslah merebut peluang dan berusaha untuk membangunkan potensi diri. Ini kerana ketidakupayaan bukanlah penghalang untuk mereka terus maju dan menyumbang kepada pembangunan negara.

11. Justeru, jalinan kerjasama daripada pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) diperlukan untuk membantu kerajaan bagi mencapai objektif dan matlamat pembangunan OKU selaras dengan konsep "Kebajikan Tanggungjawab Bersama".
12. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada pihak pengajur dan seluruh warga kerja KPWKM, Ibu Pejabat JKM, JKMN Kedah, pengurusan, kakitangan dan penghuni TSH Jitra serta semua agensi Kerajaan yang telah bersama-sama membantu menjayakan majlis ini.

**Dengan Lafaz Bismillahhirrahmanirrahim.....**

**sukacita dengan rasminya saya mengumumkan pertukaran nama Taman Sinar Harapan Jitra kepada Taman Sinar Harapan Ridzuan Puzi, Jitra Kedah.**

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum w.b.t.